



**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
TINGKATAN LIMA
PENDIDIKAN ISLAM**
Kertas 1
Ogos 2023
2 ½ jam

1223/1

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **LIMA** soalan.
2. Jawab **SEMUA** soalan.

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA** halaman bercetak termasuk muka hadapan.

Jawab semua soalan

1 (a)

Firman Allah SWT:

أَجْعَلْتُمْ سَفَاهَةَ الْحَاجِّ وَجَمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَغْوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٩﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاهِرُونَ ﴿٢٠﴾
سورة التوبة ، آية : 19-20

Ayat di atas menerangkan tentang keutamaan dalam tindakan.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud fiqh Al-Aulawiyat [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab turun ayat. [4 markah]
- (iii) Jelaskan kepentingan fiqh Al-Aulawiyat terhadap individu [2 markah]
- (iv) Terangkan pengajaran yang boleh diambil dari ayat diatas [2 markah]

(b)

Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَأَنْ يَخْطُبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ
(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kelebihan berdikari dalam Islam.
Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah maksud berdikari. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep berdikari yang dianjurkan dalam Islam. [4 markah]
- (iii) Terangkan kelebihan berdikari dari aspek agama. [2 markah]
- (c) Maksud wakaf ialah memberhentikan bacaan di akhir kalimah untuk bernafas dengan tujuan menyambung bacaan semula.
Jelaskan **dua** jenis wakaf yang anda ketahui [2 markah]

2. (a)

Kemunculan ajaran sesat di Malaysia sedikit sebanyak telah menggugat pegangan akidah segelintir umat Islam di negara ini.

- (i) Nyatakan maksud ajaran sesat. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** contoh ajaran sesat di Malaysia. [2 markah]
- (iii) Jelaskan ciri -ciri ajaran sesat dari aspek ibadat. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** cara menjauhi ajaran sesat dari aspek ilmu dan amal. [4 markah]


(2)

Ar-Raqib merupakan salah satu daripada nama-nama Allah SWT yang indah.

- (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT Ar-Raqib,
- (ii) Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat Ar-Raqib,

[2 markah]

[4 markah]



- (iii) Pemasangan kamera litar bertutup (cctv) di jalan raya adalah salah satu cara mendidik pengguna jalan raya untuk lebih berdisiplin dan patuh kepada undang-undang jalan raya. Pada pandangan anda bagaimanakah cara melahirkan pengguna jalan raya yang berhemah dengan menerapkan konsep Ar-Raqib.

[4 markah]

- 3 (a) i Nyatakan maksud haji dari segi istilah
- ii Jelaskan dua perbezaan ibadah haji dan umrah

[2 markah]

[4 markah]

En. Khairul pergi ke Mekah menunaikan ibadah haji dengan membuat pembiayaan peribadi.

- iii Berikan hujah anda tentang situasi di atas

[4 markah]

- (b) i Nyatakan maksud talak
- ii Senaraikan dua jenis talak
- iii Jelaskan hukum talak bagi situasi dibawah:-
 - a) Suami menceraikan isteri dalam keadaan haid
 - b) Berlaku perbalahan antara suami isteri dan tiada jalan penyelesaian.

[2 markah]

[2 markah]

[2 markah]

iv



Gambar diatas menunjukkan pasangan suami isteri yang sering bertengkar dan mengakibatkan berlakunya keretakan dalam runtahtangga seterusnya boleh membawa kepada penceraian. Pada pendapat anda mengapakah sering berlakunya situasi demikian dalam masyarakat kini.

[4 markah]

- 4 (a) i Nyatakan riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
 ii Jelaskan **dua** sumbangan Ahmad bin Ibrahim dari aspek perundangan. [4 markah]



Ketokohan Ahmad bin Ibrahim menjadikan beliau diiktiraf sebagai bapa undang-undang di Malaysia. Beliau banyak memberi sumbangan dalam memartabatkan sistem perundangan keluarga Islam di Malaysia.

- iii Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat mencontohi ketokohan tokoh di atas dalam kehidupan. Huraikan. [4 markah]

- (b) Kerajaan Bani Umaiyyah telah menerajui dunia Islam selama 91 tahun dan berjaya membawa banyak kemajuan.
- i Senaraikan **dua** khalifah yang terkenal pada zaman pemerintahan Kerajaan Umaiyyah [2 markah]
 ii Jelaskan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Umaiyyah dari aspek politik [4 markah]
 iii Terangkan **dua** iktibar yang diperolehi daripada pemerintahan Kerajaan Umaiyyah [4 markah]

- 5 (a) Kesederhanaan adalah salah satu daripada prinsip wasatiyah
- i Nyatakan maksud kesederhanaan. [2 markah]
 ii Jelaskan dua aspek kesederhanaan dalam prinsip wasatiyah [4 markah]
 iii Terangkan dua hikmah wasatiyah terhadap individu muslim. [4 markah]

- (b) Kelestarian alam sekitar yang indah sangat penting supaya dapat terus dimanfaatkan oleh generasi akan datang.
- i Nyatakan dua contoh alam sekitar. [2 markah]
 ii Jelaskan dua adab menjaga alam sekitar. [4 markah]



- iii Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan masyarakat dalam menangani situasi tersebut daripada terus berleluasa.

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT